



Arahan : Buat langkah kerja latihan ini di dalam buku latihan dan berikan jawapan akhir di dalam kotak yang disediakan dalam live worksheets ini.

Selesaikan masalah berikut.

- a Pak Amit menyediakan 48 bungkus nasi lemak dan 40 bungkus mi goreng. Sebanyak 45 bungkus nasi lemak dan 38 bungkus mi goreng telah terjual. Berapakah nisbah bungkusan mi goreng kepada bungkusan nasi lemak yang tinggal?




- b Rajah menunjukkan bentuk gabungan dua buah segi tiga. Nisbah panjang sisi AB kepada AD ialah 3 : 8. Kira panjang Z.



- c Di dalam sebuah kotak terdapat 25 batang aiskrim. Jika 24% daripada aiskrim itu berperisa durian dan selebihnya berperisa mangga, berapakah nisbah bilangan aiskrim berperisa mangga kepada bilangan aiskrim berperisa durian?

- d Terdapat dua buah kotak berbentuk kubus seperti gambar di sebelah. Panjang setiap sisi kotak A adalah 2 kali panjang setiap sisi kotak B. Jika seutas tali berukuran 3 m digunakan untuk mengikat kedua-dua kotak itu, nyatakan kemungkinan nisbah panjang tali untuk mengikat kotak B kepada kotak A.



Cikgu Norsiah
SK BAGAN BATU PAHAT